

15/02/2001

BBM minta GPMS tumpu pelajar Melayu

KUALA LUMPUR, Rabu - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) tidak sepatutnya menyibuk atau mencampuri urusan perjuangan Badan Bertindak Melayu (BBM) untuk memartabatkan bangsa Melayu.

Ketua Penyelarasnya, Datuk Ibrahim Ali berkata, GPMS sebagai badan pelajar sepatutnya menumpukan kepada usaha bagi menjamin pelajar Melayu mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang pendidikan.

"Nasihat kita kepada GPMS ialah tumpukan kepada kecemerlangan pelajar Melayu. Jangan sibuk-sibuk kerana kita tahu apa yang kita buat," katanya ketika dihubungi, petang ini.

Semalam, Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim, menyarankan supaya BBM dibubarkan kerana tidak mendapat kepercayaan masyarakat Melayu sendiri serta kepemimpinan negara.

Beliau dilaporkan berkata, kewujudan BBM yang tersimpang jauh daripada landasan perjuangan Melayu, hanya memburukkan lagi keadaan serta menyukarkan usaha menyatukan orang Melayu.

Suhaimi berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bahawa orang Melayu yang sebelum ini terbahagi kepada tiga kelompok iaitu Umno, Pas dan Keadilan, kini menjadi empat puak angkara kewujudan BBM.

BBM mencetuskan kontroversi apabila perhimpunan 'Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini dijadikan pentas untuk menghentam dasar dan kepemimpinan kerajaan secara terbuka.

Selepas dikritik hebat, mesyuarat jawatankuasa BBM pada Sabtu lalu memutuskan tidak akan meminta maaf kepada mana-mana pihak termasuk pemimpin Umno yang kesal dengan perhimpunan itu yang menyimpang daripada matlamat menyatukan orang Melayu.

Ditanya mengenai pelawaan Suhaimi supaya kepemimpinan dan ahli BBM menyertai Gabungan Suara Melayu selepas barisan itu dibubarkan, Ibrahim berkata: "Dia (Suhaimi) boleh buat apa saja yang dia suka. Kita sokong juga apa yang dia buat, tetapi jangan sibuk dengan urusan kita."

(END)